

09 FEBRUARI 2018

Dua rakan dihukum gantung

BH Jumaat, 9 Februari 2018 Ms.19

→ MAHKAMAH

Dua rakan dihukum gantung

Fakta nombor

- 11** SAKSI pendakwaan
- 5** SAKSI pembelaan
- 4** PERTUDUHAN edar pelbagai jenis dadah

➔ Bersalah edar dadah 123kg tiga tahun lalu

Oleh Nor Azura Abdul Jalil
zura_jalil@hmetro.com.my
Kuala Lumpur:

Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman gantung kepada dua rakan yang didapati bersalah atas empat pertuduhan mengedar pelbagai jenis dadah seberat 123.1 kilogram (kg), tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Azman Abdullah menjatuhkan hukuman itu kepada jurujual, Ong Cheng Yaw, 33, dan deejay kelab malam, San Kim Huat, 38, selepas mendapati pihak

pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mengikuti pertuduhan, kedua-dua lelaki itu didakwa bersama-sama mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 95.2kg, methylenedioxymethamphetamine (MDMA-ekstasi) seberat 26.8kg dan ketamin seberat 1.2kg.

Hukuman mati mandatori
Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Jalan Denai Selatan, Desa Park City, Kepong jam 6.25 petang, 12 Mei 2015.

Bagi pertuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Zalina Awang @ Mamat, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Datuk Hariharan Tara Singh.

Sepanjang prosiding perbicaraan yang bermula pada 21 Februari tahun lalu, pihak pendakwaan mengemukakan 11 saksi, manakala pembelaan memanggil lima saksi untuk memberi keterangan.